



# SIARAN AKHBAR

Diterbitkan Oleh Jabatan Penerangan Malaysia

75

EMBARGO: MALAM HARI RAYA  
(eve of HARI RAYA)


PEN.5/87/42(PM)

Ucapan ini hanya boleh disiarkan dan diterbitkan pada malam Hari Raya iaitu setelah tarikh Hari Raya Aidilfitri ditetapkan.

①

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI  
OLEH Y.A.B. PERDANA MENTERI  
DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA  
PADA MALAM HARI RAYA AIDILFITRI  
1407 HIJRAH/1987 MASTI

98



Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar

Allahu Akbar

Allahu Akbar

Walillahilhamd

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi kita umat Islam dapat merayakan kemenangan kita melawan nafsu sepanjang bulan Ramadan yang mulia. Berbagai dugaan telah kita lalui sepanjang bulan Ramadan, tetapi di sebalik dugaan itu, Allah Subhanahu Wataala telah menyediakan berbagai-bagai hikmat dan nikmat. Dan dengan limpah rahmat Allah Subhanahu

Wataala, kita telah berpuasa dan insya-Allah telah meneguhkan lagi iman kita.

2. Umat Islam pada zaman ini banyak menghadapi cabaran. Kelemahan yang terdapat pada umat Islam hari ini dieksploitasikan dengan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang memang merancang untuk memecah-belahkan masyarakat Islam dan menggugat lagi ketahanan umat Islam. Rancangan mereka menjadi bertambah mudah kerana negara-negara Islam seluruhnya banyak bergantung kepada negara-negara yang bersimpati dengan musuh-musuh Islam. Negara-negara Islam yang sedang membangun juga tidak terlepas daripada menjadi sasaran mereka. Di negara kita dengan cara halus dan tidak langsung, mereka menghasut golongan-golongan tertentu supaya bertindak mengancam kestabilan, kerana kestabilan menjamin kemajuan serta ketahanan sesebuah negara. Kita harus sedar hakikat ini, dan jauhilah sengketa sesama sendiri jika orang-orang Islam ingin mencapai kejayaan.

3. Ini juga bermakna kita mestilah menjaga perpaduan oleh kerana dengan perpaduan sahajalah kita dapat melaksanakan apa sahaja yang kita rancangkan dan apa yang kita cita-citakan. Sebaliknya, perpecahan akan membawa kepada kemunduran dan mungkin juga menandakan permulaan terhapusnya sesebuah masyarakat itu. Masyarakat Islam di Sepanyol dahulu, masyarakat Islam di bawah Kesultanan Melaka, masyarakat Islam di Afghanistan dan masyarakat Islam di

Palestin, semuanya mengalami kemunduran, antara lainnya, kerana mereka berpecah dan tidak bersatu-padu.

4. Dengan itu kita umat Islam di Malaysia hendaklah berpandu kepada pengalaman-pengalaman seperti ini dengan mengelakkan daripada berlaku segala bibit yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam. Di bulan yang mulia ini, marilah kita merenung ajaran-ajaran Al-Quran dan mengamalkannya untuk mengelakkan bibit-bibit yang membawa perpecahan.

5. Salah satu bibit yang membawa gejala perpecahan ialah sikap suka mempercayai berita-berita sebelum diselidiki. Yang selalu terjadi ialah selepas beberapa bulan atau tahun kemudian baharulah kita tahu bahawa sesuatu berita itu adalah palsu dan fitnah sahaja. Seseorang yang beriman seharusnya menyelidiki dahulu apa-apa berita. Allah Subhanahu Wataala berfirman di dalam Al-Quran, Surah Al-Hujuraat ayat 6, yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini -- dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) -- sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan". Ini patut kita amalkan supaya sesuatu padah buruk tidak akan menimpa sesuatu kaum atau orang perseorangan.

6. Tidak semua berita yang kita terima semestinya tidak benar, tetapi ada kemungkinan juga sebahagian daripada berita-berita itu direka untuk sesuatu tujuan. Justeru itu kita mestilah berwaspada dan taksub dengan seruan Al-Quran iaitu menyelidik terlebih dahulu semua berita yang didengar supaya kita tidak berpecah belah kerana fitnah. Amatlah bersalah dan berdosa jika kita dengan mudahnya menolong menyebarkan berita-berita yang kesahihannya tidak kita ketahui.

7. Di samping itu kita haruslah hormat-menghormati dan bersopan-santun sesama kita. Ayat-ayat di dalam Al-Quran selalu dimulai dengan kata-kata "Wahai orang yang beriman" apabila menyeru umat Islam supaya berbudi, bersopan dan hormat-menghormati. Ini menunjukkan bahawa kita umat Islam tidak dapat memisahkan antara iman dengan sopan santun dalam hidup kita. Inilah nilai-nilai yang patut kita pegang untuk meneruskan perpaduan yang telah kita pupuk selama ini, dan di Hari Raya yang mulia ini haruslah kita abadikan semula nilai-nilai murni itu untuk menggantikan sikap yang mungkin membawa perpecahan.

8. Al-Quran juga mengingatkan kita supaya jangan mencemooh dan merendah-rendahkan sesuatu puak atau kumpulan oleh kerana puak atau kumpulan yang dicemooh itu mungkin lebih baik daripada kita. Seterusnya Al-Quran dalam ayat 11, Surah Al-Hujuraat, juga melarang sebahagian daripada kita menyatakan perkara-perkara yang menjadi keaipan atau yang memalukan orang lain. Bahkan kita umat Islam yang beriman

juga dilarang panggil-memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk, terutama sesama orang Islam. Al-Quran mengingatkan kita bahawa amatlah buruknya sebutan nama fasik kepada seseorang bagi seseorang yang beriman. Perbuatan itu dianggap sebagai perbuatan zalim sekiranya kita tidak bertaubat.

9. Di samping itu, di hari yang mulia inilah kita harus menjauhkan diri daripada mempunyai sangkaan-sangkaan buruk. Apabila kita mempunyai sangkaan atau anggapan buruk terhadap seseorang atau sesuatu kumpulan itu, selalunya kita akan mengumpat dan menghamburkan kata-kata yang kesat dan menghasut. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam ayat 12, Surah Al-Hujuraat, yang bermaksud: "Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaipan orang; janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati?"

10. Sebaliknya di bulan yang mulia inilah kita harus memupuk nilai-nilai yang boleh memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan. Apatah lagi nilai-nilai ini akan menebalkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Dengan perpaduan kita akan terus maju bagi kepentingan agama, masyarakat dan negara.

11. Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Ilahi atas pengurniaan perpaduan, kesejahteraan dan keamanan yang kita nikmati di negara ini. Dengan perasaan kesyukuran kita juga memohon ke hadrat Ilahi supaya ini akan berkekalan, supaya kita semua dapat meningkatkan kemajuan dalam bidang agama, masyarakat dan negara. Hanya mereka yang bersyukur sahaja, hanya mereka yang dapat menghargai pemberian Ilahi yang berbagai-bagai bentuk itu akan dikurniakan nikmat-nikmat yang berlebihan lagi. Inilah janji Allah Subhanahu Wataala. Seharusnya kita bersyukur dengan pencapaian kita terutama di dalam usaha kita meluaskan syiar Islam.

12. Di samping kita bersyukur, kita harus juga berusaha dan berikhtiar untuk menjaga kepentingan umat Islam dan negara pada masa hadapan. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa memberi petunjukNya kepada kita semua.

13. Pasukan-pasukan keselamatan kita meneruskan tugas-tugas mereka walaupun pada Hari Raya. Kita tidak boleh melupakan anggota-anggota pasukan keselamatan kita dan pengorbanan yang mereka lakukan. Kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan Selamat Berhari Raya kepada mereka di mana juga mereka berada. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala melindungi mereka semasa menjalankan tugas-tugas mereka.

14. Kepada saudara-saudari kaum Muslimin, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan semoga kita semua mendapat hidayat Allah Subhanahu Wataala. Kepada saudara-saudari yang bukan Islam, rayakanlah hari yang bahagia ini bersama-sama dengan rakan-rakan Islam anda.

15. Akhir kata, saya serta keluarga saya memohon maaf, zahir dan batin, di atas apa juga kesilapan yang mungkin telah kami lakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Wabillahitaufik            walhidayah            wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

Allahu Akbar

Allahu Akbar

Allahu Akbar

Walillahilhamd.

KUALA LUMPUR,  
27hb Mei 1987.

(dikeluarkan pada jam 8.30 malam)

---